

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap "Uber-Car" di ibu negara serta di negeri-negeri lain.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan tempahan teksi melalui aplikasi adalah dibenarkan selagi penyedia perkhidmatan (pemandu) menggunakan kenderaan berlesen dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini. Mana-mana penggunaan kenderaan persendirian untuk perkhidmatan teksi adalah satu kesalahan berdasarkan peruntukan seksyen 16, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

2. Sehingga kini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) masih mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan seperti tindakan saman dan sitaan kenderaan kepada pihak-pihak yang melanggar syarat dan peraturan.

3. S.P.A.D. juga telah memberikan peringatan bertulis kepada Pengendali Berlesen yang terlibat untuk berhenti daripada menyediakan perkhidmatan yang melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

4. Perkhidmatan Uber telah mewujudkan persaingan secara langsung kepada industri teksi semasa serta dilihat menjejaskan sumber pendapatan pemandu-pemandu teksi. Dalam mencari penyelesaian bagi menangani kemelut di antara Uber dan pemandu teksi, S.P.A.D telah mengadakan konsultasi secara teliti bersama pengusaha dan pemandu teksi untuk melaksanakan beberapa inisiatif

bagi menambahbaik industri teksi negara. Sesi perbincangan bersama Uber dan rakan kongsinya turut dilaksanakan bagi menegaskan bahawa adalah menjadi satu kesalahan sekiranya mereka menyediakan kenderaan yang tidak berlesen apabila menerima tempahan daripada pengguna.

5. Selain daripada itu, S.P.A.D. juga sedang meneliti untuk merangka polisi baru bagi mengawal selia dan memantau sistem tempahan teksi melalui aplikasi pintar atau mudah alih. Beberapa syarat dan standard akan diperkenalkan bagi memastikan semua penyedia aplikasi ini menyediakan perkhidmatan teksi yang berkualiti. Ini secara langsung akan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan sekali gus akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuklah pemandu dan juga pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN : 366

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peraturan-peraturan yang akan dikuatkuasakan bagi memastikan aspek pengangkutan, pengendalian dan pengurusan di pelabuhan yang menjalankan operasi berkaitan bahan mineral seperti bauksit dapat mengatasi masalah pencemaran dan risiko kemalangan.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kementerian dan Agensi yang berkaitan termasuk pihak pelabuhan sedang menambahbaik proses kerja berkaitan bahan mineral terutamanya bauksit dari aspek perlombongan, penyimpanan, penerimaan dan pengendalian yang bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pencemaran.

Selain itu, Jabatan Pengangkutan Jalan telah dan akan melaksanakan penguatkuasaan untuk memastikan lori yang diguna pakai untuk mengangkut bahan mineral seperti bauksit mematuhi peraturan lalu lintas di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan syarat-syarat permit yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 bagi mengurangkan risiko kemalangan.